

U B567 BAH ENX
MAHATHIR - TOL

JITRA, 20 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI +MEMPELAWA+ JAWATANKUASA ANTI-TOL ANJURAN PEMBANGKANG MENGAMBIL ALIH PENGENDALIAN JALAN-JALAN TOL DI SELURUH NEGARA DENGAN SYARAT TIDAK MENGENAKAN TOL KEPADA PENGGUNA DI SAMPING MENGENDALI DAN MENYENGGARA JALAN-JALAN ITU TANPA BANTUAN KERAJAAN.

+KITA LIHAT SAMA ADA JAWATANKUASA ITU MAMPU MEMASTIKAN JALAN-JALAN ITU TERJAGA DENGAN BAIK TANPA LOPAK DAN LUBANG, TANPA BANTUAN SESIAPA,+ KATANYA KETIKA MELANCARKAN PROGRAM LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (LPN) +TURUN KE BENDANG+ DI SEKOLAH MENENGAH BATU 20, MEGAT DEWA, DEKAT SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MENERIMA SEPUCUK SURAT DARIPADA JAWATANKUASA ITU YANG DIPIMPIN OLEH DUA PEMIMPIN PEMBANGKANG, DATUK HARUN IDRIS DARI PARTI SEMANGAT 46 DAN SYED HUSSEIN ALI DARI PARTI RAKYAT MALAYSIA YANG MEMINTA KERAJAAN MENARIK BALIK BAYARAN TOL DI SEMUA JALAN YANG DIKENAKAN BAYARAN ITU SEKARANG.

SAMBIL MENYIFATKAN ANTI-TOL SEBAGAI SAMA DENGAN ANTI-CUKAI, BELIAU BERKATA, KERAJAAN SENDIRI MENYEDARI BAHAWA TANPA TOL DAN CUKAI, MUSTAHIL UNTUKNYA MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR YANG BAIK DAN SELESA UNTUK ORANG RAMAI.

-- LAGI.

1621MST 20 09 90

U B568 BAH ENX
MAHATHIR - TOL 2 JITRA

SEBAB ITU, KATANYA, APABILA KERAJAAN MEMBINA LEBUH RAYA DAN JALAN YANG BAIK, SEWAJARNYALAH RAKYAT TURUT MEMBANTU DENGAN MEMBAYAR TOL DAN CUKAI. DARIPADA TOL DAN CUKAI ITULAH KERAJAAN DAPAT MEMBINA LEBIH BANYAK LAGI JALAN DAN LEBUH RAYA BAGI KEPENTINGAN RAKYAT, TEGASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TAWARANNYA KEPADA JAWATANKUASA ITU ADALAH +SERIUS+.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA KEMUDIAN, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK BERHASRAT UNTUK MENJAWAB SURAT JAWATANKUASA ITU.

DALAM UCAPANNYA JUGA, PERDANA MENTERI MEMBIDAS PERSATUAN PENGGUNA PULAU PINANG (CAP) YANG, KATANYA, SUKA BERMAIN POLITIK DAN TIDAK MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWABNYA SEBAGAI PELINDUNG PENGGUNA.

SATU CONTOH, IALAH PEMBABITAN CAP DALAM APA YANG DIKATAKAN MEMPERTAHAKAN ALAM SEKITAR DAN HUTAN NEGARA SEDANGKAN ISU YANG LEBIH PENTING MENGENAI KEMUNGKINAN KENAIKAN HARGA BARANG-BARANG TEMPATAN BERIKUTAN KENAIKAN HARGA MINYAK, TIDAK DIPEDULIKAN, KATANYA.

BELIAU BERKATA, SEPATUTNYA PERSATUAN BERSIKAP LEBIH PEKA DENGAN MENINGATKAN PENGGUNA SUPAYA BERSEEDIA MENENTANG KENAIKAN HARGA YANG MENJEJASKAN KEPERLUAN HARIAN MEREKA DAN BUKANNYA PERKARA YANG TIDAK BERKAITAN LANGSUNG. -- LAGI.

1623MST 20 09 90

D940

U B569 BAH ENX
MAHATHIR - TOL 3 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYARANKAN AGAR CAP MENGUBAH SIKAP DENGAN MEMAINKAN PERANAN YANG DIKEHENDAKI DAN BUKANNYA BERMAIN POLITIK YANG TIDAK MENGUNTINGKAN PENGGUNA.

KEPADA PERTANYAAN PEMBERITA KEMUDIAN MENGENAI PAKATAN SEMANGAT 46, PAS, DAP, PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH MENGHAIRANKAN BAGAIMANA PAS SEBAGAI PARTI YANG BESAR BOLEH TUNDUK DENGAN KESANGGUPANNYA MENYERAHKAN SEBAHAGIAN BESAR KERUSI MAJORITI MELAYU YANG DITANDINGINYA PADA PILIHAN RAYA-PILIHAN RAYA LEPAS, KEPADA SEMANGAT 46.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PAS SEWAJARNYA BERPERANAN LEBIH BESAR DALAM PAKATAN ITU DAN TIDAKNYA MENYERAHKANNYA KEPADA SEMANGAT 46. SEPATUTNYA JIKA PAKATAN ITU MEMENANGI PILIHAN RAYA, +ITU PUN JIKA MEREKA BOLEH MENANG+, FADZIL NOR (YANG DIPERTUA PAS) YANG MENJADI PERDANA MENTERI DAN BUKAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH (PRESIDEN SEMANGAT 46).

KEPADA PERTANYAAN LAIN MENGENAI KENAIKAN TAMBANG BAGI PENERBANGAN ANTARABANGSA PENERBANGAN MALAYSIA (MAS), PERDANA MENTERI BERKATA KENAIKAN ITU TELAH DIPERSETUJUI OLEH KERAJAAN MEMANDANGKAN KENAIKAN HARGA MINYAK SEKARANG.

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN BELUM MEMBUAT APA-APA KEPUTUSAN UNTUK MEMBENARKAN MAS MENAIKKAN TAMBANG PENERBANGAN DALAM NEGERI. -- BERNAMA.

1625MST 20 09 90